

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

ATP300 - UNDANG-UNDANG SYARIKAT DAN KONTRAK

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. (a) Terangkan kepelbagaian dokumen yang perlu diserahkan kepada Pendaftar Syarikat untuk menubuhkan syarikat sendirian berhad.
[10 markah]
- (b) Terangkan konsep entiti perundangan berasingan syarikat dengan merujuk dan menerangkan kes Salomon Iwn. A. Salomon & Sons Ltd. dan Lee Iwn. Lee's Air Farming Ltd.
[15 markah]
2. (a) Atas sebab apakah Pendaftar Syarikat berhak menolak pendaftaran nama sesebuah syarikat?
[10 markah]
- (b) Terangkan doktrin ultra vires dengan merujuk kepada kes-kes yang berkenaan.
[15 markah]

...2/-

3. (a) Apakah perbezaan antara modal dibenarkan dan modal saham dikeluarkan?
[5 markah]
- (b) Apakah maksud perubahan hak kelas? Dalam kes Greenhalgh lwn. Arderne Cinemas Ltd., diputuskan tidak ada perubahan hak kelas. Adakah anda bersetuju dengan keputusan itu? Jika tidak apakah sebabnya?
[20 markah]
4. (a) Apakah itu (a) Keluaran Hak dan (b) Keluaran Bonus.
[7 markah]
- (b) Terangkan dengan jelas proses perpindahan saham. Apakah kesan sijil saham? Apakah keperluan berkenaan kandungan sijil saham?
[18 markah]
5. (a) Apakah kegunaan Akaun Premium Saham?
[7 markah]
- (b) Dalam keadaan manakah (jika ada) anak syarikat boleh memiliki saham syarikat pemegangnya? Apakah yang harus dilakukan jika syarikat A yang sudahpun memiliki saham syarikat B, kemudian menjadi anak syarikat kepada syarikat B.
[18 markah]
6. (a) Mengikut Seksyen 65(1) Akta Syarikat 1965, terdapat tiga (3) cara syarikat boleh mengurangkan modal. Sebutkan dan terangkan ketiga cara ini.
[15 markah]
- (b) Pertambahan modal boleh dilakukan dalam dua (2) cara. Sebut dan terangkan kedua cara ini.
[10 markah]

...3/-

7. (a) Terdapat beberapa keadaan bila pengarah tidak dibenarkan memegang jawatan pengarah. Apakah keadaan ini? Pada pendapat anda adakah keadaan ini mencukupi?
[15 markah]
- (b) Apakah kelayakkan yang diwajibkan untuk seorang menjadi pengaudit? Pada pendapat anda adakah kelayakan ini mencukupi?
[10 markah]
8. Pilih mana-mana dua daripada perkara berikut dan bincangkan:
- (a) Jenis syarikat
[12½ markah]
- (b) Kesan perundangan No.1 dan No.2.
[12½ markah]
- (c) Penganjur.
[12½ markah]
- (d) Kandungan prospektus.
[12½ markah]

---ooo000ooo---

